

**ING INSURANCE BERHAD**  
(ING Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 dan dikawal oleh  
Bank Negara Malaysia)

<p><b>Pelan PB FamilyCare PA</b> <b>HELAIAN PEMBERITAHUAN PRODUK</b> (Untuk memahami produk ini dengan lebih baik, sila baca Helaian Pemberitahuan Produk ini.)</p>	<p><b>Pengedar &amp; Alamat:</b> Public Bank Berhad 20<sup>th</sup> Floor Menara Public Bank 146 Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur</p>
---	--

**PERKARA-PERKARA YANG ANDA PERLU TAHU**

**1. Apakah ciri-ciri produk ini?**

Produk ini ialah polisi tahunan yang memberikan perlindungan insurans kemalangan diri kepada Pemegang Akaun atau Pemegang Akaun & Pasangan atau Pemegang Akaun & Anak-anak atau Pemegang Akaun, Pasangan & Anak-anak terhadap peristiwa-peristiwa yang dinyatakan di dalam jadual di bawah. Umur penyertaan minimum Pemegang Akaun dan Pasangan untuk pelan ini ialah 18 tahun dan umur penyertaan maksimum ialah 65 tahun. Polisi ini boleh diperbaharui sehingga umur 70 tahun untuk kedua-dua Pemegang Akaun dan Pasangan. Insurans ini memberikan perlindungan insurans 24 jam di seluruh dunia.

*(Sila rujuk 'Jadual' yang dilampirkan di sini untuk faedah-faedah tertentu yang dilindungi dan premium yang perlu dibayar.)*

**2. Apakah perlindungan/faedah yang diberikan?**

Perlindungan yang diberikan oleh polisi ini ialah:

- i. **Ke Atas Kematian Akibat Kemalangan** – membayar jumlah yang diinsuranskan sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan yang berlaku dalam tempoh 365 hari dari tarikh kemalangan.
- ii. **Ke Atas Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Akibat Kemalangan** – membayar jumlah yang diinsuranskan sekiranya anda mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akibat kemalangan.
- iii. **Faedah Tunai Hospital Harian** – membayar wang tunai harian sehingga maksimum 90 hari semasa kemasukan ke hospital akibat kemalangan.
- iv. **Faedah Tunai ICU Harian** – membayar wang tunai harian sehingga maksimum 30 hari semasa kemasukan ke hospital di dalam Unit Rawatan Rapi (ICU) akibat kemalangan.

Butiran	Faedah-faedah	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
1	Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Akibat Kemalangan  Anak-anak dilindungi sehingga 5 anak-anak (maksimum)	100,000 setiap orang  10,000 setiap anak	150,000 setiap orang  15,000 setiap anak	200,000 setiap orang  20,000 setiap anak
2	*Faedah Tunai Hospital Harian (sehingga 90 hari untuk setiap kemalangan)	100 setiap hari	150 setiap hari	200 setiap hari
3	*Faedah Tunai ICU Harian (sehingga 30 hari untuk setiap kemalangan)	100 setiap hari	150 setiap hari	200 setiap hari

**Nota:**

- i. \*Faedah Tunai Hospital Harian & Faedah Tunai ICU Harian tidak diberikan kepada anak-anak.
- ii. Anak-anak merujuk kepada anak-anak yang masih bergantung secara kewangan &/atau masih belajar dan yang belum bekerja atau berkahwin, di antara umur 1 hingga 24 tahun.

Insurans anda akan diperbaharui setiap tahun, selagi akaun simpanan anda berjaya didebitkan.

### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium Bulanan anda yang dikenakan adalah berdasarkan jenis Pelan yang dipilih dan anda boleh merujuk kepada Jadual yang dilampirkan bagi jumlah tepat yang perlu anda bayar kepada ING.

Premium-premium Bulanan	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
Pemegang Akaun	37	47	57
Pemegang Akaun & Pasangan	66	84	101
Pemegang Akaun & Anak-anak	43	56	69
Pemegang Akaun, Pasangan & Anak-anak	72	93	113

**Nota: Cara Pembayaran Premium** – Premium bulanan anda akan didebit secara automatik dari akaun simpanan anda di Public Bank. Tambahan RM10 akan dikenakan kepada bayaran bulan pertama anda sahaja sebagai duti setem dan ia juga akan dikenakan terhadap pembaharuan yang dibuat pada masa hadapan.

### 4. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Duti Setem : RM10.00

### 5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang saya perlu tahu?

- Kewajipan Pendedahan** – Anda harus mendedahkan sepenuhnya semua maklumat yang penting kepada insurans pada masa pelan ini dijual kepada anda atau pada bila-bila masa sebelum pembaharuan tahunannya. Apabila terdapat keraguan, sama ada sesuatu fakta itu berkaitan atau tidak, adalah lebih baik untuk bertanyakan syarikat insurans. Sekiranya gagal untuk mendedahkan atau memberikan maklumat yang salah akan mana-mana fakta penting, insurans yang diberikan boleh ditaksahkan oleh syarikat.
- Pampasan** – Bayaran pampasan insurans ini ialah bayaran sekaligus untuk Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Akibat Kemalangan. Untuk Faedah-faedah Tunai Hospital Harian dan Tunai ICU Harian, bayaran akan berdasarkan bilangan hari anda atau pasangan anda dimasukkan ke hospital sehingga bilangan hari maksimum yang anda berhak.
- Pasangan** – Pasangan bermaksud suami/isteri anda yang sah di sisi undang-undang yang tidak berpisah atau bercerai secara sah di sisi undang-undang pada permulaan Polisi ini. Pasangan bermaksud seorang pasangan yang sah di sisi undang-undang seperti yang dinamakan di dalam jadual polisi.
- Anak-anak** – Anak-anak bermaksud anak-anak kandung, anak-anak tiri atau anak-anak angkat yang sah di sisi undang-undang yang dinamakan di dalam jadual polisi dan belum berkahwin, berumur di antara 1 hingga 24 tahun (maksimum), dan masih bergantung secara kewangan dan mestilah TIDAK bekerja dalam pekerjaan yang menguntungkan.
- Penamaan** – Anda digalakkan untuk melantik penama (penama-penama) kerana ia akan mempercepatkan penyelesaian tuntutan tanpa Surat Pentadbiran atau Surat Probet. Ini berhubung dengan tuntutan kematian sahaja dan pastikan bahawa penama anda mengetahui tentang polisi Kemalangan Diri yang anda telah beli.
- Tempoh Percubaan** – Sekiranya anda membuat keputusan untuk tidak mengambil PB FamilyCare PA ini, anda boleh membatalkan polisi ini dengan memulangkannya bersama-sama dengan surat pembatalan bertulis kepada ING dalam tempoh 15 hari dari tarikh polisi ini diterima oleh anda. ING akan memulangkan semua premium yang telah dibayar.

**Nota:**

- Sila simpan salinan penyata akaun bank anda sebagai bukti pembayaran.
- Sila ambil perhatian bahawa had-had, terma-terma dan syarat-syarat ini seperti yang dinyatakan di dalam Helaian Pemberitahuan Produk ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Peruntukan-Peruntukan Polisi untuk faedah-faedah, had-had, terma-terma dan syarat-syarat yang terperinci. Kandungan Peruntukan-peruntukan Polisi akan mengatasi mana-mana percanggahan di antara Helaian Pemberitahuan Produk dan Peruntukan-peruntukan Polisi.

### Perkara-perkara penting yang perlu diambil perhatian apabila membuat tuntutan

#### i. Tuntutan Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal:

Sila maklumkan kepada ING dengan segera. Penyerahan dokumen-dokumen berikut akan membantu untuk mempercepatkan proses pembayaran:

- a. Borang tuntutan yang lengkap
- b. Laporan Polis (untuk tuntutan kematian)
- c. Laporan Bedah Siasat (untuk tuntutan kematian)
- d. Sijil Kematian (untuk tuntutan kematian)
- e. Laporan perubatan yang mengesahkan kecederaan anggota dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal
- f. Sijil Perkahwinan (untuk tuntutan Pasangan)
- g. Sijil Kelahiran Anak/Anak-anak (untuk tuntutan anak/anak-anak)
- h. Pemberitahuan tentang kemalangan kepada ING dalam tempoh 21 hari

**ii. Tuntutan Faedah Tunai Hospital Harian dan/atau Tunai ICU Harian**

- a. Borang tuntutan yang lengkap
- b. Laporan perubatan yang mengesahkan kecederaan anggota
- c. Bil/Invois perubatan asal
- d. Sijil Perkahwinan (untuk tuntutan Pasangan)
- e. Pemberitahuan tentang kemalangan kepada ING dalam tempoh 21 hari

**Kewajipan Pendedahan Maklumat Tuntutan:**

Anda mesti memberikan jawapan-jawapan kepada Borang Tuntutan dengan jujur kerana sebarang kekeliruan atau penyembunyian maklumat akan menjejaskan tuntutan anda.

**6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?**

**ING tidak akan bertanggungjawab terhadap tuntutan-tuntutan ke atas kecederaan anggota yang diakibatkan secara langsung oleh sebab-sebab berikut:**

- Peperangan dan tindakan-tindakan penganas
- Bunuh Diri
- Tidak siuman
- Kecederaan yang disengajakan
- AIDS dan HIV
- Aktiviti-aktiviti di dalam air, mendaki batu, luncur air dan perlumbaan
- Sebarang kecacatan atau penyakit mental atau fizikal
- Penerbangan atau menyertai aktiviti penerbangan kecuali apabila dalam perjalanan menaiki pesawat udara sebagai penumpang yang membayar tambang
- Bertugas sebagai kakitangan berpakaian seragam dalam angkatan polis, tentera darat dan tentera laut
- Pengionan, radiasi atau pencemaran radioaktif
- Berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah
- Melakukan atau cuba melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang

**Nota:** Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Peruntukan-peruntukan Polisi untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian di bawah polisi ini.

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?**

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada ING.

**8. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada butir-butir peribadi saya?**

Adalah penting untuk anda memberitahu ING akan sebarang perubahan kepada butir-butir peribadi anda seperti pertukaran alamat supaya kami boleh terus berhubung dengan anda berkaitan maklumat penting. Sekiranya anda berhasrat untuk menukar penama (penama-penama) anda, anda perlu memaklumkan kepada kami dengan segera untuk memudahkan pembayaran tuntutan.

**9. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang insurans kemalangan diri, sila rujuk risalah *insuranceinfo* berkenaan 'Insurans Kemalangan Diri', yang boleh didapati di semua Pusat Perkhidmatan ING. Anda juga boleh melawat laman web *insuranceinfo* di [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my) atau laman web ING di [www.ing.com.my](http://www.ing.com.my)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami di:

ING Insurance Berhad (17007-P)  
Bancassurance Division  
23<sup>rd</sup> Floor Menara Boustead  
71 Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Faks : 03-2078 3242  
Talian Bebas Tol 1-800-181-464

## 10. Lain-lain perlindungan Kemalangan Diri yang boleh didapati:

Sila hubungi ING untuk pelan-pelan lain dari jenis yang sama yang ditawarkan oleh ING Insurance Berhad.

**NOTIS PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGETAHUI FAEDAH-FAEDAH YANG BOLEH DIBAYAR UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM PERUNTUKAN-PERUNTUKAN POLISI ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN BAHAWA PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG ANDA TELAH BELI. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI PERUNTUKAN-PERUNTUKAN POLISI DAN HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang diberikan di dalam helaian pemberitahuan ini dicetak pada April 2010.

Sekiranya versi terjemahan Helaian Pemberitahuan Produk ini bertentangan dengan versi Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris akan digunakan sebagai rujukan.